

29 SEP 2002

Mahathir-Keadilan/I

TIADA LAGI KEADILAN DALAM DUNIA, KATA MAHATHIR

SUBANG, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata apa yang sedang berlaku kepada Presiden Palestin, Yasser Arafat, menunjukkan bahawa tidak ada lagi keadilan di dunia ini kerana sesiapa saja yang tidak disukai itu tidak akan menerima layanan yang adil.

"Dalam kes Arafat, nampak dia dibenci oleh pihak-pihak tertentu dan dengan itu, dia tak akan menerima layanan yang adil kerana keadilan sudah tidak ada lagi di dunia ini," katanya pada sidang media sebaik pulang daripada menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah di Denmark dan lawatan peribadi ke Eropah.

Perdana Menteri berkata segala kata-kata yang sering diucapkan mengenai keadilan, hak asasi dan demokrasi adalah "karut dan hipokrasi semata-mata".

Dr Mahathir ditanya mengenai rayuan Arafat kepada beliau untuk membantunya ketika tentera Israel menyerang dan mengepung ibu pejabat pemimpin Palestin itu di Ramallah. Ekoran itu, Perdana Menteri mengutus surat kepada beberapa pemimpin penting dunia meminta mereka campur tangan.

Dr Mahathir berkata beliau telah berkesempatan membincangkan perkara itu secara mendalam dengan Presiden Perancis Jacques Chirac semasa di Denmark.

"Saya ada impression (tanggapan) sudah tidak ada keadilan di dunia. Kalau kita tak disukai, maka apa sahaja boleh dibuat (terhadap kita) sama ada adil atau tidak," katanya.

Ketika diberitahu bahawa apa yang beliau gambarkan ialah dunia ini bukannya satu tempat yang elok untuk didiami, Dr Mahathir berkata : "Pada masa ini, dunia ini tidak elok langsung. Segala kata-kata mengenai demokrasi hanyalah propadanda. Tiada lagi demokrasi di dunia ini, termasuk di negara-negara demokratik."

Dalam soal demokrasi ini, Malaysia lebih demokratik daripada kebanyakan negara demokratik di dunia ini, katanya.

Ketika ditanya mengenai tindakan Kanada mengenakan peraturan visa kepada rakyat Malaysia yang hendak ke negara itu, beliau menyifatkannya sebagai amat malang.

"(Selama ini) Malaysia ingat rakyat Kanada suka berbaik-baik dan mereka tahu mengenai kita," kata Dr Mahathir.

"Nampaknya, kita belum mengenali rakyat Kanada dengan begitu baik," kata Dr Mahathir.

Mengenai alasan pihak berkuasa Kanada kononnya pasport Malaysia mudah disalahgunakan, Perdana Menteri berkata : "Jika itulah sebabnya, keadaan itu telah wujud dari dahulu lagi, dan mereka tidak pula mendiskriminasi kita. Kanapa sekarang?"

Kepada soalan bahawa beberapa tindakan Amerika Syarikat dan Kanada seolah-olah menunjukkan usaha Kuala Lumpur dalam membendung keganasan tidak dihargai, beliau berkata apa yang dilakukan oleh Malaysia bukannya untuk dihargai oleh orang lain tetapi kerana ianya wajar.

Beliau juga diminta mengulas satu kajian asing bahawa Malaysia tidak lagi berada dalam senarai 25 negara teratas bagi pelaburan langsung asing setelah berada pada kedudukan ke-22 sebelum ini.

Perdana Menteri berkata secara amnya, tidak banyak pelaburan yang dibuat dan sebab itulah, dalam Bajet 2003, beliau menekankan tentang pentingnya ekonomi dijana daripada sumber domestik.

-- BERNAMA

MAM MAM MAI